

**Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR**  
**Tempat : WISMA PUTRA, PUTRAJAYA**  
**Tarikh : 2 NOVEMBER 2004**  
**Tajuk : UCAPAN SEMPENA MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN  
CEMERLANG 2003**

BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHITAALAH WABARAKATUH DAN SALAM  
SEJAHTERA

YB DATO' ZAINAL ABIDIN OSMAN  
SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN LUAR NEGERI

YBHG TAN SRI AHMAD FUZI BIN HJ. ABDUL RAZAK  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR NEGERI

DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN HADIRIN YANG DIHORMATI SEKELIAN

ALHAMDULILLAH BERSYUKUR KITA KEHADRAT ALLAH S.W.T, KERANA DENGAN  
LIMPAH RAHMAT DAN KEIZINANNYA SEKALI LAGI KITA DAPAT BERSAMA-SAMA DI  
AUDITORIUM INI BAGI MENYEMPURNAKAN MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN  
CEMERLANG KEMENTERIAN LUAR NEGERI BAGI TAHUN 2003.

SEPERTI PADA MASA YANG LEPAS-LEPAS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG  
INI DIBERIKAN KEPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG TELAH MENUNJUKKAN  
PRESTASI CEMERLANG SEPANJANG TAHUN 2003. SAYA INGIN MERAKAMKAN  
SETINGGI-TINGGI UCAPAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA 80 ORANG PENERIMA  
ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG 2003. PEMBERIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN  
CEMERLANG INI ADALAH SATU TANDA PENGHARGAAN SERTA PENGIKTIRAFAN  
KERAJAAN DAN KEMENTERIAN KEPADA SAUDARA DAN SAUDARI YANG TELAH  
BANYAK MEMBANTU WISMA PUTRA DALAM MEMASTIKAN APA YANG DIRANCANG  
DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN SEMPURNA DI SEPANJANG TAHUN 2003.

SAUDARA-SAUDARI,

KITA SEMUA MENYEDARI, KETIKA SEBILANGAN KECIL NEGARA DI DUNIA DILANDA  
PELBAGAI ANCAMAN YANG MENGGUGAT KESTABILAN MEREKA, MALAYSIA MASIH  
KEKAL SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG AMAN, MAKMUR DAN SELAMAT. KEADAAN  
YANG WUJUD INI ADALAH ANTARA LAIN HASIL DARIPADA KERJASAMA YANG ERAT  
DAN KERJA KUAT YANG TELAH DITUNJUKKAN OLEH KAKITANGAN AWAM TERMASUK  
DI KEMENTERIAN INI, DALAM MENJAYA DAN MEREALISASIKAN DASAR-DASAR DAN  
PERANCANGAN YANG TELAH DIBUAT OLEH KERAJAAN.

SEBAGAI AGENSI KERAJAAN YANG BERADA DI GARISAN HADAPAN, WISMA PUTRA HARUS TERUS GIGIH MEMAINKAN PERANAN DALAM ARUS PERDANA HUBUNGAN ANTARABANGSA BAGI MEMASTIKAN KEPENTINGAN NEGARA TERJAMIN. PENINGKATAN KEYAKINAN DUNIA TERHADAP MALAYSIA TELAH DIBUKTIKAN MELALUI PERANAN SERENTAK YANG DIBERI SEBAGAI PENERUS PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI (NAM) DAN PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA ISLAM (OIC). SEBAGAI PENERUS, MALAYSIA CUBA MEMPERSATUKAN NEGARA-NEGARA YANG BERNAUNG DI BAWAH KEDUA-DUA PERTUBUHAN TERSEBUT SUPAYA DAPAT MENJADI WADAH UNTUK MENCORAKKAN DUNIA YANG LEBIH AMAN, LEBIH TENTERAM, LEBIH STABIL DAN LEBIH MAKMUR. SAYA AMAT YAKIN, SEMUA INI TIDAK AKAN DAPAT DILAKSANAKAN TANPA BANTUAN SAUDARA-SAUDARI WARGA WISMA PUTRA.

DIKESEMPATAN INI SAYA JUGA INGIN MERAKAMKAN BERBANYAK-BANYAK TERIMA KASIH DI ATAS SEGALA JASA DAN TENAGA YANG TELAH DICURAHKAN OLEH SEMUA WARGA WISMA PUTRA, DI SEPANJANG TAHUN 2003. KHIDMAT BAKTI YANG DITUNJUKKAN OLEH SAUDARI-SAUDARI SESUNGGUHNYA TELAH DAPAT MEMASTIKAN WISMA PUTRA TERUS MAJU DAN UTUH DALAM MENGHADAPI PERSAINGAN DUNIA HARI INI DAN HARI-HARI MENDATANG. SAYA AMAT BERHARAP PRESTASI YANG CEMERLANG INI AKAN DAPAT DITERUSKAN PADA MASA-MASA AKAN DATANG BAGI MEMASTIKAN MATLAMAT NEGARA UNTUK MENJADI NEGARA CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG DAPAT DICAPAI DAN WAWASAN NEGARA TERLAKSANA.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KEPADA 80 WARGA WISMA PUTRA PADA HARI INI SEPATUTNYA MENJADI PENDORONG KEPADA SELURUH WARGA WISMA PUTRA UNTUK BERUSAHA DENGAN LEBIH GIGIH LAGI BAGI MEMASTIKAN KEJAYAAN-KEJAYAAN YANG LEBIH GEMILANG PADA MASA HADAPAN. TIDAK DAPAT DINAFIKAN SEBAGAI SEBUAH KEMENTERIAN YANG BERGERAK SECARA BERPASUKAN ATAU BERKUMPULAN, PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG PADA HARI INI TIDAK AKAN BERADA DI ATAS PENTAS TANPA BANTUAN SELURUH WARGA WISMA PUTRA.

OLEH YANG DEMIKIAN, KEPADA MEREKA YANG BELUM BERJAYA UNTUK MENDAPAT ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG, JANGAN BERPUTUS ASA, TERUSKANLAH USAHA SAUDARA-SAUDARI, INSYAALLAH SATU HARI SAUDARA-SAUDARI JUGA AKAN BERJAYA SEPERTI RAKAN-RAKAN KITA YANG DIRAIKAN PADA HARI INI.

SAUDARA-SAUDARI,

SAYA INGIN BERKONGSI DENGAN SAUDARA SAUDARI SEPOTONG AYAT DALAM SURAH AL -AHZAB DI MANA ALLAH S.W.T TELAH BERFIRMAN: -

"SESUNGGUHNYA KAMI TELAH KEMUKAKAN TANGGUNGJAWAB AMANAH (KAMI) KEPADA LANGIT DAN BUMI SERTA GUNUNG-GANANG (UNTUK MEMIKULNYA), MAKA MEREKA ENGGAN MEMIKULNYA DAN BIMBANG TIDAK DAPAT MENYEMPURNAKANNYA, DAN MANUSIA SANGGUP MEMIKULNYA...."

MENYEDARI TANGGUNGJAWAB BEGITU BESAR YANG SEPATUTNYA DIPIKUL OLEH KITA, SAYUGIA SAYA INGIN MENARIK PERHATIAN SAUDARA-SAUDARI SUPAYA MERENUNG DAN MEMIKIRKAN TENTANG AMANAH-AMANAH YANG SEPATUTNYA DILAKSANAKAN OLEH KITA, IAITU ANTARA LAIN AMANAH KEPADA NEGARA, AGAMA DAN BANGSA. AMANAH-AMANAH INI SUDAH SEPATUTNYALAH DILAKSANAKAN DENGAN TELUS DAN LEBIH BERINTEGRITI OLEH SEMUA WARGA WISMA PUTRA TIDAK KIRA DI PERINGKAT MANA SEKALIPUN.

SAUDARA-SAUDARI,

SEPERTI YANG SAUDARA SAUDARI SEDIA MAKLUM, GLOBALISASI DAN LIBERALISASI MENIMBULKAN CABARAN YANG LEBIH BESAR KEPADA NEGARA. MEREKA YANG GAGAL BERSAING SUDAH PASTI AKAN KECUNDANG. DALAM MENGHADAPI CABARAN GLOBAL INI, KEMENTERIAN INI SEIRING DENGAN DASAR KERAJAAN AKAN MELAKSANAKAN LANGKAH-LANGKAH PENGUKUHAN DI KEMENTERIAN TERMASUK MENGEMASKINI SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN "SERVICE DELIVERY SYSTEM" DI KEMENTERIAN. SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG CEKAP AKAN MEMBOLEHKAN DAYA SAING NEGARA DIPERTINGKATKAN DAN IANYA BOLEH MENJADI PEMANGKIN DALAM PEMBANGUNAN NEGARA. SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG CEKAP SECARA TIDAK LANGSUNG ADA HUBUNG KAITNYA DENGAN INTEGRITI SETIAP KAKITANGAN AWAM DALAM MELAKSANAKAN AMANAH YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN.

KEMENTERIAN INI JUGA, TANPA BANTUAN SAUDARA-SAUDARI YANG BERINTEGRITI SUDAH TENTU TIDAK AKAN DAPAT MEMPERTINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIANNYA. OLEH YANG DEMIKIAN SAYA MENYERU SEMUA WARGA WISMA PUTRA UNTUK MEMBERIKAN SOKONGAN SERTA CADANGAN-CADANGAN YANG MEMBINA KEPADA KEMENTERIAN BAGI MEMBANTU MEMPERTINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DI WISMA PUTRA.

SAUDARA-SAUDARI

SELARAS DENGAN PRINSIP KEEMPAT DARIPADA SEPULUH PRINSIP YANG DIPERKENALKAN OLEH KERAJAAN MELALUI ISLAM YANG MENGGUNAKAN PENDEKATAN HADHARI, IAITU PENGUASAAN ILMU PENGETAHUAN, DAN PEMBELAJARAN BERTERUSAN, SAUDARA-SAUDARI ADALAH DIGESA UNTUK MEMPERTINGKATKAN LAGI ILMU PENGETAHUAN DALAM BIDANG YANG BERKAITAN DENGAN TUGASAN HARIAN. BAK KATA PEPATAH MELAYU, "KALAU TIDAK DIPECAH RUYUNG MANAKAN DAPAT SAGUNYA" "YANG BULAT TIDAK DATANG MENGGOLEK DAN YANG PIPIS TIDAK DATANG MELAYANG".

DALAM ERA GLOBALISASI YANG TANPA SEMPADAN INI, KITA SEKARANG TIDAK LAGI BERADA DALAM KEPOMPONG YANG TERASING DARI DUNIA LUAR. PERSAINGAN KITA PADA MASA INI ADALAH DI PERINGKAT DUNIA DAN LEBIH KOMPETITIF. MALAYSIA SEKARANG DIBANDINGKAN DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN TERMASUK NEGARA-NEGARA MAJU IAITU YANG TERBAIK DI DUNIA. OLEH ITU,

WARGA WISMA PUTRA PERLU MEMPERTINGKATKAN BUKAN SAHAJA ILMU PENGETAHUAN TENTANG BIDANG TUGAS MASING-MASING MALAH KEMAHIRAN-KEMAHIRAN YANG BERKAITAN SEPERTI PENGUASAAN BAHASA KEDUA ATAU KETIGA SERTA PENGGUNAAN SISTEM ICT AGAR MUTU KERJA DAPAT DIPERTINGKATKAN DENGAN LEBIH EFISIEN DAN CEMERLANG.

DI BAWAH SKIM SISTEM SARAN MALAYSIA (SSM), SETIAP PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN PERLU MENGAMBIL PEPERIKSAAN DAN KURSUS-KURSUS PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK). DI SINI SAYA INGIN MENASIHATKAN AGAR IANYA HENDAKLAH DIAMBIL SECARA SERIUS. PERSEDIAAN YANG SECUKUPNYA ADALAH DIPERLUKAN BAGI MEMASTIKAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS-KURSUS YANG DIHADIRI DAPAT DISEMPURNAKAN DENGAN CEMERLANG. DI KESEMPATAN INI SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA WARGA WISMA PUTRA YANG TELAH LULUS PEPERIKSAAN DAN KURSUS-KURSUS PTK YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA SEPANJANG TAHUN 2003.

SAUDARA-SAUDARI,

MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG HARI INI, BUKAN HANYA SATU UPACARA PENYAMPAIAN CEK ATAU SIJIL SAHAJA, SEPATUTNYA IA MENJADI SATU ACARA ATAU MAJLIS UNTUK MUHASABAH DIRI. KEPADA SAUDARA-SAUDARI YANG MENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KALKANLAH DAN PERTINGKATKANLAH PRESTASI SAUDARA-SAUDARI PADA MASA HADAPAN. KEPADA WARGA WISMA PUTRA YANG BELUM MENERIMA ANUGERAH PADA HARI INI, TERUSKANLAH BERUSAHA DAN BERTEKUN DALAM KERJA DAN PERTINGKATKANLAH KUALITI DALAM KERJA SAUDARA-SAUDARI. INSYAALLAH KERINGAT DAN USAHA KITA DALAM MEMBANGUNKAN NEGARA AKAN MENDAPAT PEMBALASAN YANG SETIMPAL DI DUNIA DAN AKHIRAT. SAYA PERCAYA JIKA SIKAP INGIN MEMBAIKI DIRI DIAMALKAN DI KEMENTERIAN INI ASPIRASI NEGARA AKAN DAPAT DICAPAI DENGAN LEBIH MUDAH.

KEPADA ALLAH S.W.T KITA MOHON MENDAPAT PETUNJUK DAN HIDAYAH SUPAYA KERJA YANG KITA LAKSANAKAN DI KEMENTERIAN INI AKAN MENDAPAT KEREDAHAN DARINYA.

WASSALAMUALIKUM WARAHMATULLAHHITAALAHIWABARAKATUH.